

08/03/1999

Rakyat tolak huru-hara (HL)

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Ahad - Malaysia mampu mengekalkan kestabilan dan kemakmuran kerana rakyat negara ini masih berdisiplin dan menghormati peraturan serta undang-undang negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia mempunyai peraturan dan undang-undang yang bertujuan memastikan keamanan dan kemakmuran negara.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan peraturan dan undang-undang hanya berguna jika rakyat mematuhi.

"Kita tidak mahu huru-hara berlaku di negara kita. Di sesetengah negara, hubungan antara kaum menjadi buruk sehingga mereka bergaduh sesama sendiri.

"Di Malaysia, walaupun ada cubaan dibuat (untuk mewujudkan huru-hara) dengan cara tidak berdisiplin dan demonstrasi, ia gagal kerana umumnya rakyat Malaysia lebih suka dengan cara hidup yang teratur dan berdisiplin," katanya.

Beliau berucap merasmikan program Senaman Raksasa Berjiwa Patriotik anjuran bersama MCA dengan Pertubuhan Wai-Nei-Tankung dan Pertubuhan Taiji Qi Gong Bercorak 18 di Dataran Merdeka, di sini hari ini.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik. Dr Siti Hasmah turut menyertai senaman yang dijayakan kira-kira 5,500 peserta.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, walaupun ada usaha memastikan Malaysia tunduk kepada tekanan agensi asing, cubaan itu gagal kerana rakyat Malaysia setia dan berdisiplin.

"Sikap ini membolehkan ekonomi negara terus utuh, kuat dan tetap dalam keadaan baik. Kalau kita perhatikan, negara kita tidak mudah ditewas oleh pihak lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mengamalkan pentadbiran berdasarkan undang-undang.

"Bagaimanapun, ada yang bercakap mengenai pentadbiran berasaskan undang-undang, tetapi mereka sendiri melanggarnya," katanya.

Menurutnya, bagi menjayakan pentadbiran berasaskan undang-undang, rakyat mesti belajar mengawal emosi masing-masing.

"Untuk memastikan emosi kita terkawal, caranya ialah mengamalkan pelbagai jenis senaman seperti Tai-Chi dan sebagainya," katanya.

Perdana Menteri turut menghargai peranan kaum Cina, khususnya parti MCA di negara ini yang berjaya mengamalkan budaya murni kaum itu sehingga dapat menyumbang kepada kestabilan dan kemakmuran negara.

Katanya, amalan budaya kaum Cina seperti kegiatan senaman berjaya mewujudkan disiplin yang baik dan menjadikan kaum berkenaan golongan yang menghormati peraturan negara.

"Ekonomi negara juga masih menjadi kuat hasil kepintaran dan kebijaksanaan kaum Cina dalam bidang perniagaan. Ini juga kerana hasil disiplin dan mematuhi undang-undang," katanya.

(END)